


EDISI TERHAD  
PERCUMA

# BULETIN *INSTUN*

NOVEMBER 2022



**PROGRAM KARNIVAL GEOMATIK 2022** Muka Surat 8

## BENGKEL KESEDARAN, SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN DOKUMEN ISO/IEC 27001:2013 SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) Muka Surat 12



M/S 1  
KURSUS DALAM  
TALIAN :  
PELAKSANAAN  
CUKAI  
PETAK-ISU DAN  
CABARAN

M/S 10  
PROGRAM  
CERAPAN  
GERHANA  
BULAN

M/S 15  
MAJLIS  
PELANCARAN  
PENERBITAN  
INSTUN  
TAHUN 2022

## SIDANG REDAKSI

PENAUNG

**YBRS. TUAN KHAIRIN NAZRY BIN KARIM**

PENASIHAT

**ENCIK KHAIRIL AKHTAR BIN GHAZALI**

KETUA EDITOR

**ENCIK ABDUL RASHID BIN OMAR**

PEREKAAN & GRAFIK

**ENCIK MOHAMAD HAFIZ BIN ABDUL AZIZ**

SIDANG EDITOR

**UKP BPP**

**UKP BPPT**

**UKP BUP**

**UKP BTM**

**UKP INSTUN**

## DARI KETUA EDITOR

Syukur ke hadrat Illahi, buletin INSTUN 2022 bagi bulan November telah berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin INSTUN ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan November. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsi bersama tentang informasi aktiviti yang telah dijalankan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadikan perangsang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan Aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti penyelaras buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



**INSTUN**

**INSTUN**



## KURSUS DALAM TALIAN : PELAKSANAAN CUKAI PETAK: ISU DAN CABARAN

Tarikh : 1 November 2022

Tempat : INSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 32 orang secara dalam talian yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pelaksanaan cukai petak
- Isu dan cabaran






## KURSUS DALAM TALIAN: PENGURUSAN TANAH PERSEKUTUAN: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KJP

Tarikh : 30 November 2022

Tempat : Pusat Latihan Intan, BPPT (Dalam Talian)

Kursus terbuka ini telah dihadiri seramai 20 orang. Objektif kursus adalah memberi pengetahuan dan kemahiran berkaitan dalam aspek pengurusan tanah persekutuan.



## KURSUS DALAM TALIAN: PEMBANGUNAN TANAH: TUKAR SYARAT, PECAH SEMPADAN DAN TUKAR SYARAT SERENTAK

Tarikh : 7 November 2022

Tempat : INSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 50 orang terdiri daripada pelbagai Agensi. Objektif kursus adalah untuk memberi pengetahuan berkaitan tukar syarat, pecah sempadan dan tukar syarat serentak.




## KURSUS DALAM TALIAN : BENTUK-BENTUK HAKMILIK, KATEGORI, SYARAT DAN SEKATAN KEPENTINGAN

Tarikh : 8 November 2022

Tempat : INSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 31 orang secara dalam talian yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan serta syarikat swasta. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Bentuk-Bentuk Hakmilik, Kategori, Syarat Dan Sekatan Kepentingan




## KURSUS DALAM TALIAN : AKTA GSA 1960 : KEPERLUAN MASA KINI

Tarikh : 7 November 2022

Tempat : INSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 30 orang secara dalam talian yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan serta syarikat swasta. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Akta GSA 1960






## KURSUS DALAM TALIAN : KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH KTN

Tarikh : 11 November 2022

Tempat : INSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 24 orang secara dalam talian yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan serta syarikat swasta. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Kesalahan-Kesalahan Di Bawah KTN




## KURSUS DALAM TALIAN : KURSUS PENGENALAN AKTA HAKMILIK SRATA (TP14/22)

Tarikh : 16 November 2022

Tempat : NSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 39 orang pegawai dari pelbagai agensi dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif memberi pengetahuan dan kemahiran berkaitan aspek pentadbiran tanah. Penceramah dari Pegawai dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN.





## KURSUS DALAM TALIAN : KURSUS PENGENALAN AKTA HAKMILIK SRATA (TP15/22)

Tarikh : 17 November 2022

Tempat : NSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 34 orang pegawai dari pelbagai agensi dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia. Objektif memantap dan memperkuuhkan penguasaan aspek-aspek urusan urusniaga dan bukan urusniaga. Penceramah dari Pegawai dari Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN.



## KURSUS DALAM TALIAN : PECAH BAHAGI, SERAH MILIK DAN BERI MILIK SEMULA

Tarikh : 23 November 2022

Tempat :INSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 43 orang secara dalam talian yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan serta agensi swasta. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pecah Bahagi, Serah Milik dan Beri Milik Semula





## KURSUS DALAM TALIAN : PEROLEHAN DAN PENGURUSAN TANAH PERSEKUTUAN

Tarikh : 23 November 2022

Tempat :INSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 31 orang secara dalam talian yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan serta agensi swasta. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Perolehan dan Pengurusan Tanah Persekutuan




## KURSUS DALAM TALIAN : LEASEHOLD VS IN PERPETUITY

Tarikh : 24 November 2022

Tempat : INSTUN (Dalam Talian)

Kursus ini telah dihadiri seramai 20 orang secara dalam talian yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Leasehold VS In Perpetuity






## KURSUS DALAM TALIAN: SISTEM PENTADBIRAN TANAH DAN KANUN TANAH NEGARA

Tarikh : 29 November 2022

Tempat : Bilik Latihan Intan, BPPT, INSTUN (Dalam Talian)

Kursus terbuka ini telah dihadiri seramai 63. Objektif kursus adalah untuk meningkatkan kefahaman berkaitan Sistem Pentadbiran Tanah dan Kanun Tanah Negara.



## “SEMBANG TANAH!” FACEBOOK LIVE BIL.6/2022

Tarikh: 25 November 2022

Tempat : Bilik Studio, Perpustakaan INSTUN

Sembang Tanah Bilangan 6 kali ini bersama panel yang dikenali dengan ilmu yang ingin dikongsikan dalam live Sembang Tanah ini bersama Encik Muhammad Haziq Syuwari Bin Mahazir dan moderator Encik Ahmad Adam Bin Ismail dengan tajuk yang ingin dikongsikan adalah “Cukai Petak: Apa Anda Perlu Tahu?” Tajuk ini menjadi tumpuan bagi semua peringkat.

Sepanjang live berlangsung, panel mengupas soalan-soalan yang diajukan oleh moderator iaitu seperti apa itu cukai petak?, perbezaan cukai petak dan cukai tanah? serta kelebihan cukai petak?. Sehubungan itu, panel yang menjawab setiap soalan dengan jelas seperti perbezaan cukai petak dan cukai tanah.

Di sini panel menerangkan mengikut jadual yang dipaparkan di dalam slaid sepanjang live berlangsung seperti di dalam jadual berikut :

SEBELUM PINDAAN (CUKAI TANAH)	SELEPAS PINDAAN (CUKAI PETAK)
CUKAI DIKIRI BERDASARKAN LOT INDUK	CUKAI DIKIRA BERDASARKAN LUAS PETAK DAN PETAK AKSESORI
CUKAI TANAH DIKUTIP OLEH MC & KEWAJIPAN BAYAR CUKAI ATAS MC.	KEWAJIPAN BAYAR OLEH PEMILIK PETAK
PENGIRAAN BERDASARKAN UNIT SYER & PELBAGAI FORMULA OLEH MC	CUKAI BERDASARKAN LUAS (S23)

Sembang Tanah adalah satu program yang ringkas dan padat walau hanya digelar “sembang” tapi hanya 30 minit diberikan untuk mengupas setiap soalan yang diajukan berdasarkan tajuk yang diberikan bersama panel yang dihormati.



## MAJLIS MERAIKAN JASA DAN SUMBANGAN WARGA BUP

Tarikh: 3 November 2022

Majlis keraian ini diadakan bagi tujuan menghargai jasa dan sumbangan kakitangan BUP iaitu En. Mohd Yusri bin Mohd Jono iaitu Penolong Juruukur (JA36). Beliau telah terlibat dengan arahan pertukaran daripada INSTUN ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Perak dan akan bertugas di Pejabat Ukur Daerah Perak Utara, Taiping Perak bermula pada 3 November 2022.

Terima kasih atas segala sumbangan yang telah diberikan kepada BUP dan INSTUN khasnya selama tuan berkhidmat di INSTUN.



## PROGRAM KARNIVAL GEOMATIK 2022

Tarikh: 2-3 November 2022

BUP yang telah diwakili oleh tiga (3) pegawai telah hadir sebagai salah satu pempamer semasa Program Karnival Geomatik yang telah diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau Perlis. Pegawai yang terlibat adalah Sr Fazili Anuar bin Md. Yusuf, Sr Norfariza binti Zainal dan En. Muhamad Husni bin Othman. Beberapa peralatan ukur turut dibawa dan digunakan sebagai bahan pameran dan demonstrasi oleh pegawai yang terlibat.



## MAJLIS MERAIKAN JASA DAN SUMBANGAN WARGA BUP

Tarikh: 10 November 2022

Majlis keraian pada kali ini diadakan untuk meraikan segala sumbangan pegawai; Sr Siti Arifah binti Abdul Kader, Juruukur J41 selama bertugas di BUP, INSTUN. Beliau telah terlibat dengan arahan pertukaran daripada INSTUN ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Negeri Sembilan.

Sekali lagi, warga BUP dan INSTUN mengucapkan terima kasih atas segala sumbangan yang telah diberikan sepanjang bertugas di INSTUN.



## BICARA UKUR

Tarikh: 16 November 2022

Program Bicara Ukur yang telah dikendalikan oleh BUP pada kali ini adalah dengan tajuk Ukur Hidrografi; Apa yang perlu anda tahu?.

Program ini telah dilaksanakan secara 'live' melalui aplikasi Facebook Bahagian Ukur dan Pemetaan. Bicara Ukur ini menampilkan Sr Zakaria bin Abdullah selaku panel dan Sr Md. Issa bin Abdul Hai sebagai moderator. Kedua-duanya merupakan pegawai daripada BUP serta ucapan terima kasih diucapkan kepada semua warga BUP dan Bahagian Teknologi Maklumat, INSTUN yang terlibat sebagai urusetia di belakang tabir.



## PROGRAM CERAPAN GERHANA BULAN

Tarikh: 8 November 2022

Program ini telah dijalankan secara serentak di dua lokasi iaitu di Surau As Sakinah INSTUN dan di tapak pembinaan Projek Balai Cerap INSTUN. Program bermula dengan cerapan Gerhana Bulan pada jam 6.15 petang di perkarangan Surau As Sakinah. Tiga (3) peralatan Teleskop model Skywatcher telah digunakan untuk menjalankan cerapan gerhana bulan tersebut. Ustaz Hafiz bin Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam INSTUN telah mengimamkan Solat Sunat Gerhana Bulan yang diikuti dengan bacaan Khutbah Gerhana Bulan.

Secara keseluruhan program pada kali ini bermula dengan aktiviti cerapan gerhana bulan pada sebelah petang, diikuti dengan solat maghrib, solat sunat dan khutbah gerhana bulan dan solat isyak.



## SEMAKAN FIZIKAL PERALATAN UKUR HIDROGRAFI

Tarikh: 25 November 2022

Seksyen Geodetik, BUP telah mengadakan aktiviti semakan peralatan-peralatan ukur hidrografi di Bagan Hidrografi INSTUN.

Tujuan semakan adalah untuk memastikan ketersediaan peralatan beserta aksesori bagi pelaksanaan kursus yang akan diadakan pada tahun 2023 kelak.



## SEMAKAN FIZIKAL PERALATAN UKUR BAWAH TADBIR URUS SEKSYEN GEODETIK

Tarikh: 29 November 2022

Seksyen Geodetik, BUP juga telah mengadakan aktiviti semakan semua peralatan-peralatan ukur Seksyen yang telah dibuat penempatan di stor Bahagian. Semakan ini dijalankan adalah bagi tujuan penyediaan Laporan Tahunan Unit oleh semua Penolong Ketua Program Ukur Seksyen.



### TAHUKAH ANDA.....

### TAHUKAH ANDA

## CIRI-CIRI PETA TOPOGRAFI

**1. Tajuk dan Nombor Siri**  
Tajuk akan diambil berdasarkan nama tempat yang ada di dalam peta.  
Nombor siri sebuah peta diletakkan disebelah atas kanan

Maklumat diambil pada peta topografi:  
Tajuk dan nombor siri  
Nama tempat yang terdapat pada peta  
Jarak antara dua titik  
Koordinat  
Lata dan longitud  
Maklumat teknikal pada peta

**2. Garis Kontur**  
Kontur adalah garis-garis yang dilukis di atas peta atau kertas yang menyambungkan titik-titik yang mempunyai ketinggian yang sama di atas permukaan bumi.

Garis kontur yang dilukis di atas peta topografi

**3. Skala Peta**  
Merujuk kepada nisbah unit pada peta yang bersamaan dengan jarak sebenar

Maklumat diambil pada peta topografi:  
Koordinat  
Jarak antara dua titik  
Lata dan longitud  
Maklumat teknikal pada peta

**4. Koordinat**  
Nilai sesuatu kedudukan yang dapat ditunjukkan didalam sebuah peta topografi

Maklumat diambil pada peta topografi:  
Koordinat, Lata dan longitud  
Jarak antara dua titik  
Lata dan longitud  
Maklumat teknikal pada peta

**5. Simbol dan Petunjuk**  
Merupakan petunjuk bagi sesuatu simbol yang terdapat di dalam peta topografi

Peta Kedah River

Simbol	Penjelasan
-	Garis kontur
-	Garis batas tanah
-	Garis batas air
-	Garis batas jalan
-	Garis batas bangunan
-	Garis batas tanah dan air
-	Garis batas tanah dan jalan
-	Garis batas tanah dan bangunan
-	Garis batas air dan jalan
-	Garis batas air dan bangunan
-	Garis batas tanah, air dan jalan
-	Garis batas tanah, air dan bangunan

[www.instun.gov.my](http://www.instun.gov.my)

[Bahagian Ukur dan Pemetaan](https://www.facebook.com/BUPGeodetik)

INFOGRAFIK BIL 8.22

## BENGKEL KESEDARAN, SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN DOKUMEN ISO/IEC 27001:2013 SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

Tarikh: 8 dan 9 November 2022

Tempat : Pusat Kecemerlangan Multimedia (PKMM), Blok Akademik B, INSTUN

Bengkel ini dilaksanakan selama dua (2) hari dan melibatkan semua pegawai serta kakitangan BTM seramai 22 orang. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk memberi kesedaran, kefahaman serta meningkatkan kompentensi pegawai-pegawai BTM selaku pelaksana ISMS di Jabatan.

INSTUN telah menjemput Penceramah daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), iaitu Ts. Dr. Megat Azrin bin Ahmad untuk perkongsian ilmu bagi Sesi Benchmarking Amalan Baik Pelaksanaan ISMS. Bengkel ini juga memberi peluang kepada Pelaksana ISMS BTM untuk berkongsi pengalaman dan ilmu berkaitan dengan pelaksanaan ISMS bersama semua pegawai dan kakitangan BTM.

Terima kasih kepada penceramah dan warga BTM yang telah memberikan komitmen penuh sepanjang bengkel ini dilaksanakan. Tahniah di atas persijilan semula ISMS bagi tempoh 13 Mei 2022 – 9 Mei 2025.




## KURSUS DALAM TALIAN: KESEDARAN DAN KETERSEDIAAN ICT (TME10/22)

Tarikh: 16 November 2022

Tempat : INSTUN (Dalam Talian)

Kursus Dalam Talian: Kesedaran dan Ketersediaan ICT (TME10/22) merupakan salah satu kursus anjuran Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) yang terdapat dalam perancangan takwim latihan INSTUN bagi tahun 2022 di bawah bidang ICT Awareness and Readines Programme (ICTARP). Kursus ini telah dilaksanakan secara dalam talian (online) sepenuhnya menggunakan aplikasi Zoom Meeting. Kursus ini telah mendapat sambutan yang sangat baik dengan penglibatan seramai 87 orang peserta berdaftar dari pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan, Badan Berkunur dan Syarikat Swasta yang telah memberikan sepenuh komitmen sepanjang kursus berlangsung. Tiga (3) topik telah diketengahkan dalam kursus kali ini iaitu Pengurusan Rangkaian, Pengurusan Pusat Data dan Kejuruteraan Sistem (Pembangunan Aplikasi).

Tahniah dan syabas serta ribuan terima kasih diucapkan kepada penceramah dalaman dari BTM INSTUN iaitu Ts. Aiesa bin Saad (Ketua Program S PTR, BTM), Pn. Hajah Syazleena binti Haji Yahya (Ketua Program SPSM, BTM), Pn. Nur Faiezah binti Mohamad Hanafiah (Penolong Ketua Program Kanan, BTM), barisan Urus Setia dari Bahagian Teknologi Maklumat, INSTUN serta semua peserta kursus yang telah menjayakan kursus ini.



## MESUARAT JAWATANKUASA TERTINGGI MOU BAGI PENYELARASAN AKTIVITI TAHUN 2023 BERSAMA INSTUN

Tarikh : 15 November 2022

Tempat : Dorsett Hotel, Putrajaya

Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Memorandum of Understanding (MoU) Bagi Penyelarasan Aktiviti Tahun 2023 Bersama INSTUN ini merupakan mesyuarat jawatankuasa MoU yang pertama dipengerusikan oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim selaku Pengarah INSTUN yang baharu. Meskipun mesyuarat ini pernah diadakan sebelum ini, namun format pada tahun ini sedikit berbeza memandangkan setiap wakil rakan strategik mempunyai slot secara berasingan dengan pihak pengurusan tertinggi INSTUN.

Mesyuarat ini dihadiri oleh rakan-rakan strategik INSTUN seperti Razak School of Government (RSOG), Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Teknologi MARA Kampus Seri Iskandar, Perak (UiTM). Bagi pihak INSTUN, mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah INSTUN, Ketua-ketua Bahagian, Pendaftar dan urusetia mesyuarat dari Bahagian Pembangunan dan Penyelidikan (BPP). Antara initipati utama mesyuarat ini adalah pemeteraian MoU bersama RSOG, UTM dan JUPEM serta perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti bersama rakan strategik pada tahun 2023.

Penganjuran mesyuarat ini memberi peluang dan ruang kepada rakan strategik INSTUN dalam membincangkan halatuju kerjasama yang dimeterai bersama dalam memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak disamping melahirkan kumpulan sasar yang mempunyai ilmu dalam sesuatu bidang seperti tanah, ukur, pemetaan dan teknologi maklumat. Adalah diharap kerjasama yang terjalin ini mampu membawa INSTUN ke arah yang lebih cemerlang dalam menjadi sebuah institusi latihan yang dikenali ramai dan disegani di peringkat nasional.



## BENGKEL PEMANTAPAN PENYELIDIKAN INSTUN TAHUN 2022

Tarikh : 1 - 3 November 2022

Tempat : Hotel Lexis Port Dickson, Port Dickson

Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah melaksanakan Bengkel Pemantapan Penyelidikan dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 1 hingga 3 November 2022 menggunakan peruntukan Institut Latihan Awam (ILA). Pecahan kategori peserta kursus ini termasuk urusetia adalah kumpulan Pengurusan & Profesional seramai 24 orang dan kumpulan Pelaksana seramai 6 orang.

Kumpulan sasaran bengkel ini adalah ahli program yang terdiri dari kalangan pegawai INSTUN yang merupakan tenaga pengajar atau pegawai yang sedang/akan terlibat dalam kegiatan penulisan. Pelaksanaan bengkel ini sedikit sebanyak dapat membantu peserta-peserta dalam membuat persediaan untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti pada tahun hadapan.

Bengkel ini bertujuan untuk memberi idea dan pemahaman tentang teknik penyelidikan dan penulisan yang berkesan. Selain itu, bengkel ini dapat meningkatkan kualiti hasil penyelidikan dan penulisan warga INSTUN melalui gaya penulisan yang bertahap tinggi serta memperkasakan hubungan kerjasama diantara INSTUN dan UTM. Antara tajuk slot adalah Apa Itu Penyelidikan, Reka Bentuk Kajian, Pengumpulan Data, dan Analisis Data.



# MAJLIS PELANCARAN PENERBITAN INSTUN TAHUN 2022

Tarikh : 30 November 2022

Tempat : Auditorium, INSTUN

Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurniaNya Institut Tanah dan Ukur Negara sekali lagi telah berjaya dalam menerbitkan buku-buku baharu bagi tahun 2022. Majlis ini merupakan anjuran Seksyen Penerbitan dan Inovasi, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan dalam memperkenalkan koleksi penerbitan INSTUN semasa program Perhimpunan Bulanan INSTUN yang telah dianjurkan pada November lepas. Penghasilan buku-buku ini merupakan langkah dalam memperkayakan serta menambah bilangan bahan bacaan yang menarik dan rujukan ilmiah yang mudah difahami berkaitan bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat yang berkaitan. Majlis diserikan lagi dengan tayangan montaj koleksi buku-buku penerbitan INSTUN dan diteruskan dengan gimik pelancaran yang disempurnakan oleh Pengarah INSTUN, Yang Berusaha Encik Khairin Nazry bin Karim. Antara judul bagi buku-buku yang diterbitkan semasa majlis pelancaran tersebut adalah:

- i. Jurnal INSTUN Vol.5
- ii. Buku Soal Jawab Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960
- iii. Buku Koleksi Infografik Bidang Pentadbiran Tanah, Geomatik dan Geospatial serta Teknologi Maklumat
- iv. Buku Program Latihan Sektor Tanah dan Ukur Negara 2023

Seiring dengan matlamat memperkasakan bahan-bahan penerbitan INSTUN, karya yang telah diterbitkan ini dibangunkan dengan hasil kerjasama daripada Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Bahagian Ukur dan Pemetaan serta Bahagian Teknologi Maklumat yang telah memberi kerjasama dalam menyediakan bahan-bahan berkaitan untuk dibukukan. Semoga perkongsian maklumat yang dimuatkan di dalam buku-buku yang telah diterbitkan ini mampu memberi manfaat dari sudut menambah pengetahuan, kemahiran serta panduan kepada pembaca.



## PERHIMPUNAN BULANAN INSTUN BAGI BULAN NOVEMBER TAHUN 2022

Tarikh : 30 November 2022

Tempat : Auditorium INSTUN

Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan anjuran Bahagian Pentadbiran dan Kewangan (BPnK). Majlis bermula sekitar jam 9.00 pagi dengan nyanyian lagu Negaraku, Perkhidmatan Awam dan Mendahului Cabaran kemudian disusuli bacaan doa oleh Alfadhil Ustaz Mohd Haffiz bin Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Islam INSTUN.

Majlis perhimpunan ini turut diserikan lagi dengan Majlis Perasmian Bahan Penerbitan Tahun 2022 di bawah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan INSTUN. Majlis ini telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Encik Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN.

